



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 1985

**PERATURAN-PERATURAN PENGAMBILAN BUKAN WARGANEGARA
UNTUK BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM SECARA
KONTRAK ATAU SEMENTARA**

1. Tujuan

Surat Pekeliling ini bertujuan memberikan garis panduan mengenai peraturan-peraturan menguruskan perlantikan/pengambilan bukan warganegara untuk berkhidmat secara kontrak atau sementara dalam perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri-negeri, Badan-badan berkanun serta Kuasa-kuasa Tempatan.

2. Pengambilan Bukan Warganegara

2.1 Pada dasarnya Kerajaan tidak menggalakan lantikan/pengambilan bukan warganegara ke dalam perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun ianya diizinkan dalam keadaan-keadaan tertentu seperti berikut:

2.1.1 Untuk menampung tenaga pekerja dalam jawatan-jawatan profesional yang sukar dipenuhi oleh pegawai-pegawai warganegara yang berkelayakan;

2.1.2 Sekiranya sesuatu perkhidmatan itu memerlukan kepakaran yang sukar diperolehi di negara ini; dan

2.1.3 Untuk mengisi jawatan-jawatan kontrak atau sementara sahaja.

2.2 Perlantikan calon-calon bukan warganegara biasanya dibuat dengan dua cara iaitu:

2.2.1 Melalui Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan negara pembekal; dan

2.2.2 Melibatkan antara Kerajaan Malaysia dengan calon-calon berkenaan.

2.3 Pemilihan calon-calon bukan dibuat mengikut perenggan kecil 2.2.1 di atas melibatkan satu urusan di mana Kerajaan negara pembekal terlibat secara langsung memilih pegawai-pegawai yang sesuai untuk berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia. Manakala pengambilan di perenggan 2.2.2 pula sebaliknya tidak melibatkan Kerajaan negara calon. Ianya hanya melibatkan Kementerian/Jabatan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam serta perwakilan Malaysia di negeri berkenaan bagi pihak Kerajaan Malaysia dan terus dengan calon-calon yang berminat selepas pengiklanan dibuat menerusi perwakilan Malaysia di negara tersebut.

3. Syarat-syarat Perlantikan Secara Kontrak/Sementara

3.1 Semua agensi yang ingin mengambil kakitangan melalui perlantikan secara kontrak hendaklah memastikan bahawa mereka memang benar-benar perlukan calon-calon berkenaan selepas usaha-usaha berikut telah dilaksanakan:

3.1.1 Jika urusan kontrak itu dibuat melalui perlantikan secara yang diuraikan pada perenggan 2.2.2 di atas agensi berkenaan hendaklah membuktikan usaha-usaha telah dibuat untuk mendapatkan calon-calon warganegara tetapi tidak berhasil. Pembuktian boleh dibuat dengan mengemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam salinan-salinan iklan yang dibuat serta ulasan ringkas tentang sambutan ke atas iklan tersebut.

3.1.2 Telah gagal mendapat calon-calon warganegara yang layak dan sesuai mengikut syarat-syarat skim perkhidmatan jawatan berkenaan.

3.2 Semua permohonan bagi perlantikan bukan warganegara perlu mendapat kelulusan Ketua Setiausaha Negara. Walau bagaimanapun permohonan ini hendaklah disalurkan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam dan selepas dikaji Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengemukakan permohonan itu kepada Ketua Setiausaha Negara. Setiap permohonan perlu dilengkapi dengan borang-borang seperti di [Lampiran "A"](#). Semasa mengemukakan permohonan ke Jabatan Perkhidmatan Awam agensi-agensi yang berkenaan hendaklah menyalinkan surat permohonan itu ke Kementerian Dalam Negeri untuk tapisan keselamatan. Sayugia diingatkan iaitu pihak Jabatan Imigresen tidak akan mengeluarkan Pas Lawatan (Kerja Sementara) sebelum mendapat surat kelulusan dari Jabatan Perkhidmatan Awam.

3.3 Lantikan kontrak yang pertama hendaklah bagi tempoh 3 tahun sahaja. Jika Jawatan tersebut masih tidak dapat diisi dengan lantikan biasa sedangkan tugas-tugasnya mustahak dijalankan terus, maka pembaharuan selama 2 tahun lagi bolehlah dipohon dengan mengemukakan alasan-alasan dan dokumen-dokumen seperti di [Lampiran "B"](#) dengan lengkap. Pembaharuan kontrak hendaklah diputuskan dengan satu hari perkhidmatan.

3.4 Setiap permohonan mestilah diiringi dengan satu huraian perancangan tenaga manusia yang bertujuan untuk diambil alih oleh calon-calon tetap warganegara di akhir tempoh kontrak.

3.5 Mereka yang akan diambil tidak boleh mengisi jawatan-jawatan kenaikan pangkat.

3.6 Pegawai-pegawai tidak boleh mendapat kemudahan-kemudahan yang lain selain daripada apa yang dinyatakan dalam syarat-syarat perjanjian kontrak.

3.7 Lantikan secara sementara hanyalah dibenarkan kepada doktor-doktor yang telah dilantik oleh Kementerian Kesihatan melalui perwakilan kuasa yang diberikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Bagi maksud ini Kementerian yang berkenaan hendaklah mengemukakan sebab-sebab yang kukuh berserta dengan perangkaan yang berkaitan kepada Suruhanjaya bagi jawatan-jawatan yang termasuk di bawah bidang kuasanya.

4. Pemakaian

Surat Pekeliling ini adalah juga meliputi semua pengambilan secara kontrak bukan warganegara oleh Pentadbiran-pentadbiran Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan dan berkuatkuasa mulai tarikh Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan.



ZAINOL ABIDIN BIN DATO HAJI SALLEH
Pengarah Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

4hb. Oktober, 1985

EDARAN :

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

LAMPIRAN "A"

**BUTIR-BUTIR JAWATAN YANG HENDAK DIISI SECARA
PERLANTIKAN KONTRAK**

A BUTIR-BUTIR MENGENAI JAWATAN

1. NAMA JAWATAN
.....
2. TARAF JAWATAN
.....
3. NAMA AGENSI
.....
4. GRED DAN TANGGAGAJI JAWATAN
.....
5. BUTIR-BUTIR JAWATAN DALAM BUKU ANGGARAN BELANJA MENGURUS:
 - 5.1 Butiran
.....
 - 5.2 Muka Surat
.....
 - 5.3 Bil. Waran Perjawatan
.....
(jika diwujudkan melalui Waran Perjawatan)
6. BILANGAN JAWATAN
.....

7. BILANGAN JAWATAN YANG MASIH KOSONG

.....

8. SEBAB-SEBAB MENGAPA JAWATAN INI HENDAK DIISI MELALUI PERLANTIKAN KONTRAK:

.....

.....

.....

.....

9. PERNAHKAH DIIKLANKAN UNTUK PERLANTIKAN BIASA (SECARA TETAP) SERTAKAN SALINAN IKLAN JIKA ADA

.....

.....

.....

10 BUTIR-BUTIR IKLAN:

10. Tarikh

1

10. Sambutan

2

11 BERAPA LAMAKAH JAWATAN INI HENDAK DIISI SECARA KONTRAK

.....

B BUTIR-BUTIR MENGENAI PEMOHON/CALON

1. NAMA

.....

2. TARIKH LAHIR

.....

3. NO. PASPOT/NO. KAD PENGENALAN*

.....

4. WARGANEGARA

.....

5. TARIKH MASUK KE MALAYSIA

.....

6. SUDAHKAH MEMOHON PAS LAWATAN (KERJA SEMENTARA)

.....

7. TARAF PERKAHWINAN : KAHWIN/BUJANG*

.....

8. JIKA BERKAHWIN SILA NYATAKAN NAMA DAN TARAF KEWARGANEGARAAN SUAMI/ISTERI.*

.....
.....
.....
.....

9. KELULUSAN CALON

.....
.....

10 JENIS/PENGALAMAN KERJA DAN TEMPOHNYA

.....
.....
.....
.....
.....

* Sila potong mana yang tidak berkenaan.

**PERMOHONAN PERLANJUTAN / PEMBAHARUAN
PERKHIDMATAN KONTRAK**

1. Nama Pegawai.....
.....

2. Nama Jawatan
.....

3. Tempoh Perlanjutan/Pembaharuan
.....

4. Perkhidmatan kontrak sebelum ini:

	<i>Dari</i>	<i>Hingga</i>
4.1 Kontrak pertama
4.2 Kontrak Kedua

5. Alasan-alasan mengapa kontrak ini perlu dilanjut/dibaharui:
.....
.....
.....
.....

6. Apakah projek-projek yang telah dilaksanakan semenjak pegawai mula berkhidmat secara kontrak :
.....
.....
.....
.....

7. Apakah program-program yang telah diatur untuk pegawai bagi tempoh yang akan datang :

.....
.....
.....
.....

8. Apakah pegawai pernah memohon taraf penduduk tetap di negara ini?

.....
.....
.....
.....

9. Taraf perkahwinan dan butir-butir suami/isteri :

.....
.....
.....
.....
.....
.....

10 Lain-lain maklumat tambahan :

.

.....
.....
.....
.....
.....
.....